

Kerja Lapangan



BAB

11

Panduan Kerja Lapangan

Mari kita terokai:

1 Pemilihan isu atau tajuk

Kaedah pemilihan tajuk

Isu



Tajuk



Lokasi



Data

3 Menentukan kaedah kajian



Borang soal selidik
Tentukan (x) pada yang berkenaan

1. Nama: _____
2. Jantina: ☐ L ☐ P
3. Umur: ☐ 20 tahun ke bawah
☐ 21 – 40
☐ 41 tahun ke atas
4. Bangsa: ☐ Melayu
☐ Cina
☐ India
☐ Lain-lain: _____



Apakah kaedah kajian yang sesuai digunakan dalam sesebuah kajian?



Apakah yang akan anda pelajari?

- ✓ Memilih isu atau tajuk.
- ✓ Menentukan objektif kajian.
- ✓ Memilih kaedah kajian.
- ✓ Merekod, mengumpul dan menganalisis data atau maklumat.
- ✓ Membuat rumusan dan menghasilkan laporan.

Induksi Bab

Kerja lapangan dapat mengukuhkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah serta memberi peluang kepada murid untuk mengembangkan idea dan mempraktikkan kemahiran geografi yang dipelajari. Panduan ini dapat membantu murid melaksanakan kerja lapangan dengan mudah, teratur dan sistematik.

2 Menentukan objektif

Mengenal pasti ...




Mengkaji ...

Mencadangkan...

Menghuraikan ...

Menjelaskan...

4 Merekod, mengumpul dan menganalisis data atau maklumat



5 Merumus dan menulis laporan kajian

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
PESISIRAN PERDANA

KERJA LAPANGAN GEOGRAFI
TINGKATAN 2

TAJUK:
PENGANGKUTAN AWAM
DI TAMAN TUN SYED NASIR,
TANGKAK, JOHOR

Disediakan oleh:
Syafiq bin Kassim
Tingkatan 2 Amanah

11.1 Pemilihan Isu atau Tajuk

Anda perlu memilih satu isu atau tajuk kerja lapangan daripada mana-mana tema atau isu geografi yang ditetapkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Tingkatan 2. Isu semasa yang berkaitan dengan topik yang telah anda pelajari adalah amat sesuai untuk dijadikan tajuk kerja lapangan anda.



Rajah 11.1 Kaedah pemilihan tajuk

11.2 Menentukan Objektif

Anda hendaklah menentukan objektif kajian yang hendak dicapai dalam kerja lapangan. Objektif kajian adalah untuk menerangkan tujuan anda melakukan kajian. Objektif kajian perlu dimulakan dengan kata kerja seperti:

Mengenal pasti ...

Mengkaji ...

Mencadangkan...

Menghuraikan ...

Menjelaskan...

11.3 Penentuan Kaedah Kajian

Pelbagai kaedah kajian boleh anda gunakan untuk mengumpul data dan maklumat. Penggunaan kaedah yang bersesuaian dapat membantu anda memperoleh maklumat dengan lebih mudah dan tepat. Kaedah kajian yang dapat anda gunakan adalah seperti:

Pemerhatian

- Kaedah ini memerlukan anda membuat pemerhatian dan mencatat perkara atau isu yang hendak dikaji.
- Foto yang diambil boleh menjadi bahan bukti kaedah ini.



Temu bual

- Kaedah ini memerlukan anda berjumpa dan bersoal jawab dengan seseorang secara lisan untuk mendapatkan data dan maklumat.
- Borang temu bual diperlukan dalam kaedah ini.
- Orang yang anda temu bual ini dipanggil orang sumber.



Soal selidik

- Kaedah ini merupakan kaedah mengumpul maklumat dengan mengedarkan borang soal selidik.
- Responden hanya perlu menjawab soalan-soalan yang disediakan dalam borang soal selidik.

Borang soal selidik

Tandakan (✓) pada yang berkenaan

1. Nama: _____

2. Jantina L ☐ P ☐

3. Umur:

☐ 20 tahun ke bawah

☐ 21 – 40

☐ 41 tahun ke atas

4. Bangsa:

☐ Melayu

☐ Cina

☐ India

☐ Lain-lain

Rujukan

- Kaedah ini memerlukan anda membuat rujukan di pusat sumber sekolah, laman web, buku, majalah, jurnal, keratan akhbar dan bahan multimedia yang lain.
- Anda perlu menyatakan sumber rujukan yang digunakan pada bahagian senarai rujukan dalam laporan anda.



Data atau maklumat yang diperolehi dan direkod daripada beberapa kaedah kajian perlu dikumpul dan dianalisis. Data yang dianalisis kebiasaannya dipersembahkan dalam bentuk jadual, rajah dan peta pemikiran seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11.1 dan Rajah 11.2 supaya lebih jelas dan tersusun.

Jadual 11.1 Kepentingan pengangkutan awam mengikut bilangan responden

Kepentingan pengangkutan awam	Bilangan responden
Mengurangkan kos	12
Mengurangkan kesesakan lalu lintas	8
Menjimatkan masa	6
Mengurangkan pencemaran udara	4

(Sumber: Soal selidik)

Imbas Saya



Layari laman web berikut untuk maklumat tentang kesesuaian penggunaan peta pemikiran:
<http://bukutekskssm.my/Geografi/Nota31.html>

Murid juga boleh melukis peta pemikiran sebagai bahan grafik.




Peta bulatan




Peta buih




Peta buih berganda




Peta pokok




Peta dakap



Peta alir



Peta pelbagai alir



Peta titi

11.5 Merumus dan Menulis Laporan Kajian

Setelah data dan maklumat dianalisis, hasil kajian dan rumusan ditulis dalam bentuk laporan berdasarkan format seperti Jadual 11.2. Laporan yang telah siap perlu dihantar kepada guru mata pelajaran untuk ditaksir dan dinilai.

Jadual 11.2 Format laporan kajian lapangan

Bil.	Kandungan	Halaman
1	Penghargaan	
2	Pendahuluan	
3	Objektif kajian	
4	Kawasan kajian	
5	Kaedah kajian	
6	Hasil kajian	
7	Rumusan	
8	Rujukan	
9	Lampiran	

Proses menilai hasil kerja murid merangkumi perkara yang berikut:

1

Perancangan

- ✓ Jadual kerja
- ✓ Pengagihan kerja
- ✓ Objektif kajian
- ✓ Penentuan kaedah kajian

2

Proses awal

Mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber menggunakan kaedah yang sesuai.

3

Laporan akhir

- ✓ Grafik
- ✓ Tafsiran konsep
- ✓ Isi utama/huraian/contoh

Imbas Saya



Layari laman web berikut untuk melihat contoh laporan kajian lapangan:
<http://bukutekskssm.my/Geografi/Laporan.pdf>

Rajah 11.3 Kriteria dan proses kerja

Contoh Surat Makluman kepada Ibu Bapa/Penjaga

Nama sekolah
Alamat sekolah

Rujukan Kami :
Tarikh :

Kepada,
Ibu/Bapa/Penjaga.

Tuan,

KERJA LAPANGAN MATA PELAJARAN GEOGRAFI

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Semua murid Tingkatan sekolah ini akan terlibat dalam kerja lapangan mata pelajaran Geografi bagi memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
3. Hasil kerja lapangan ini merupakan sebahagian daripada pentaksiran sekolah. Bagi tujuan ini, semua murid akan menjalankan kerja lapangan di luar waktu persekolahan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.
4. Dimaklumkan juga bahawa kerja lapangan akan dijalankan pada *..... .

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
(Nama Pengetua dan Cop Sekolah)

* Tarikh dan masa mengikut ketetapan sekolah.

(Keratan jawapan)

Saya No. Kad Pengenalan
ibu/bapa/penjaga kepada murid bernama
Tingkatan membenarkan/tidak membenarkan anak di bawah jagaan saya
menjalankan kajian kerja lapangan pada tarikh tersebut.

Tandatangan: Nombor telefon:

Contoh Surat Akuan Diri Murid

Nama sekolah
Alamat sekolah

Rujukan Kami :
Tarikh :

Kepada sesiapa yang berkenaan.

Tuan,

KERJA LAPANGAN MATA PELAJARAN GEOGRAFI

Pembawa surat ini
No. Kad Pengenalan ialah seorang murid Tingkatan
di Sekolah Menengah Kebangsaan Murid ini sedang melaksanakan kerja lapangan
Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Geografi.

2. Sehubungan dengan itu, pihak kami berbesar hati jika pihak tuan dapat memberikan kerjasama kepada murid ini untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.
3. Kerjasama dan bantuan tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

.....
(Nama Pengetua dan Cop Sekolah)